



UUM
Universiti Utara Malaysia

PERMOHONAN MENGISI JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut di Universiti Utara Malaysia.

1. (a) Jawatan : PEGAWAI BELIA DAN SUKAN GRED S48

(b) Agensi : (1 KEKOSONGAN)
Universiti Utara Malaysia

(c) Ketua Perkhidmatan : Naib Canselor

(d) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional

(e) Klasifikasi Perkhidmatan : Sosial

(f) Gred dan Jadual Gaji

Gred S48 : P1T1 RM4348.05 – P1T8 RM5770.17
P2T1 RM4779.42 – P2T8 RM6318.44

(g) Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan terus ke Gred S48 hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

• Warganegara Malaysia;

• Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

• Ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **ATAU**

• Ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **DAN**

• Lulus Bahasa Malaysia /Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; **DAN**

(h) Tempoh Pengalaman : Mempunyai sekurang-kurangnya sepuluh

(10) tahun pengalaman dalam bidang berkaitan.

(i) Taraf Jawatan : Tetap

(j) Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

(k) Fungsi Bidang Tugas : Bertanggungjawab dalam merancang dan melaksanakan program pembangunan sukan.

2. (a) Jawatan : PENERBIT RANCANGAN GRED B41

(b) Agensi : (1 KEKOSONGAN)
Universiti Utara Malaysia

(c) Ketua Perkhidmatan : Naib Canselor

(d) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional

(e) Klasifikasi Perkhidmatan : Bakat dan Seni

(f) Gred dan Jadual Gaji

Gred B41 : P1T1 RM1704.20 – P1T27 RM4690.34
P2T1 RM1800.21 – P2T27 RM4970.00